

D838

U B309 BAH  
MAHATHIR - RAIS

SEREMBAN, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN TINDAKAN TIMBALAN PRESIDEN SEMANGAT 46 DATUK RAIS YATIM MENENTANG KERAJAAN SEKARANG, SEBAGAI +MENGIGIT TANGAN YANG TELAH MENGANGKATNYA SEHINGGA BERADA DALAM KEDUDUKAN YANG TINGGI DALAM KERAJAAN SUATU MASA LALU+.

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO-LAH YANG TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA DATUK RAIS HINGGA MENJADI MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DAN SEORANG MENTERI.

+KALAU BUKAN KERANA UMNO, ORANG TIDAK AKAN MENGENALI DIA TETAPI DIA TIDAK BALAS JASA UMNO TERHADAPNYA,+ KATA BELIAU SEMASA BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN CALON-CALON DAN PEKERJA JENTERA PILIHAN RAYA BARISAN NASIONAL NEGERI DI SINI.

TAMBAH BELIAU= +SAYA SENDIRI YANG TOLONG DIA NAIK TETAPI HARI INI DIA GIGIT TANGAN KITA+.

MENURUTNYA, SEPATUTNYA DATUK RAIS MEMATUHI KEPUTUSAN MAJORITI DALAM UMNO TETAPI SEBALIKNYA MEMBAWA DIRI MENYERTAI SEMANGAT 46 KERANA PERCAYA KONONNYA BOLEH MENDAPAT SOKONGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN SETERUSNYA MENASIHATI PENGUNDI DI JELEBU SUPAYA JANGAN MEMILIH ORANG SEPerti ITU KERANA KELAK RAKYAT AKAN DIJADIKAN MANGSA. -- LAGI.

1846MST 15 10 90

0839

U B310 BAH  
MAHATHIR - RAIS 2 SEREMBAN

DATUK RAIS YANG MEMPERTAHANKAN KERUSI PARLIMEN JELEBU MENGHADAPI CALON BN LT-KOL (B) IBRAHIM SAREH. BELIAU JUGA AKAN MENCABAR CALON BN ENCIK LILAH YASIN BAGI KERUSI NEGERI KAWASAN BATU KIKIR.

KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA KEMUDIAN MENGENAI CADANGAN DATUK RAIS UNTUK BERDEBAT DENGANNYA DI TELEVISYEN BERKAITAN DENGAN MANIFESTO BN DAN PEMBANGKANG, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK PERLU MELAYANI PERMINTAAN ITU KERANA DATUK RAIS MAHU BERBUAT DEMIKIAN DEMI KEPENTINGANNYA SAHAJA.

+SEBENARNYA SAYA SENDIRI TIDAK MENGAMBIL BANYAK MASA DALAM TV... CUMA APABILA INTERVIEW MACAM INI SAHAJA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, PEMBANGKANG HANYA MAHU KEBEBASAN AKHBAR JIKA MEREKA BOLEH MENGGUNAKAN AKHBAR UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI TETAPI SEBALIKNYA TIDAK MAHU MEMBERI TEMURAMAH SEKIRANYA AKHBAR TERTENTU MENGECEM MEREKA.

SAMBIL MENYATAKAN PELIK TERHADAP SIKAP PEMBANGKANG ITU, BELIAU MENAMBAH KATA: +UMPAMANYA SAYA DENGAR TV3 TIDAK BOLEH MERAKAM SUARA PEMIMPIN SEMANGAT 46, TETAPI ORANG INI YANG MENGECEM KITA KONONNYA TIDAK BERI KEBEBASAN AKHBAR+. -- LAGI.

1848MST 15 10 90

0840

U B312 BAH  
MAHATHIR - RAIS 3 SEREMBAN

BARU-BARU INI, PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DILAPORKAN TIDAK MEMBENARKAN TV3 MERAKAMKAN SUARANYA SEMASA MENGADAKAN PERSIDANGAN AKHBAR MENGENAI MANIFESTO PEMBANGKANG.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA KEBEBASAN BERMakNA ADA AKHBAR YANG PRO ATAU ANTI SESUATU PIHAK TETAPI PEMBANGKANG HANYA MAHU KEBEBASAN KEPADA AKHBAR YANG MEMIHAK KEPADA MEREKA SAHAJA.

+MEREKA INI ORANG YANG BIASA BAKAR SURAT KHBAR. KALAU BOLEH MEREKA NAK BAKAR TV PUN,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1849MST 15 10 90